



قلنت بروني

Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 28 BILANGAN 40

RABU 5 OKTOBER, 1983.

1403 رابو 27 ذوالحجة

PERCUMA

TAN SRI GHAZALI NAFI KEBENARAN LAPORAN

TAN SRI GHAZALI NAFI KEBENARAN LAPORAN. — Berikutan kenyataan yang dibuat oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien dalam laporan akhbar Minggu Malaysia keluaran 18 September seperti yang disiarkan menerusi media dalam dan luar negeri baru-baru ini, Yang Berhormat Tan Sri Mohammed Ghazali Shafie dalam sepucuk surat yang disembahkan kepada Majlis Kebawah Duli Yang Teramat Mulia itu bertarikh 28 September, telah menafikan kebenaran laporan yang dibuat oleh seorang penulis Indonesia mengenai sebab dan cerita sekitar keputusan Brunei tidak memertai Persekutuan Malaysia.

Dalam suratnya itu Yang Berhormat Tan Sri Mohammed Ghazali Shafie menyembahkan yang beliau telah terlintas dalam sanubarinya sewaktu memintakan kejadian tersebut untuk menyentuh jasad dan darjat Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien dan juga jasad Brunei.

Kebawah Duli Tuanku sendiri sedia maklum Patik Hamba Tua telah menjalankan segala usaha sejak

beberapa tahun lagi supaya hubungan persahabatan antara Brunei dan Malaysia dipulihkan seperti sedia kala" sembah Yang Berhormat Tan Sri Mohammed Ghazali Shafie.

Beliau juga menyatakan sentiasa menghormati dan kasih terhadap Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien sebagai payung dan tidaklah munasabah baginya berniat atau melakukan sesuatu yang tidak menyenangkan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia itu.

Yang Berhormat Tan Sri Mohammed Ghazali Shafie mengakhiri suratnya dengan menyembahkan "Patik Hamba Tua bagi pihak peribadi memohon ampun jua dan sentiasa berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala janganlah kiranya cacat sedikit pun tali silaturahmi antara rakyat dan Kerajaan Brunei dengan rakyat dan Kerajaan Malaysia."

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien sukacita mengurniakan surat persembahan daripada Yang Berhormat Tan Sri Mohammed Ghazali Shafie itu sebagaimana salinan bergambarnya yang disiarkan di muka ini.



Kuala Lumpur.

28hb September, 1983.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Ibnu Al-Marhum Sultan Mohammad Jamalul Alam, DK., GCVO., KCMG., PSSUB., PHBS., PBLI., Istana Darul Hana, Bandar Seri Begawan, BRUNEI.

Ampun Tuanku Beribu Ampun, Sembah Patik Hamba Tua mohon diampun.

Adalah Patik Hamba Tua Ke Bawah Duli Tuanku merafak sembah takzim mudah-mudahan barang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala Ke Bawah Duli Tuanku berada di dalam selamat dan sejahtera jua.

Ampun Tuanku, Patik Hamba Tua menerima khabar bahawa Ke Bawah Duli Tuanku telah memerintah dikeluarkan satu kenyataan berhubung dengan rencana terbitan Minggu Malaysia bertarikh 18 September daripada seorang penulis Indonesia. Patik Hamba Tua mohon menyembah Ke Bawah Duli Tuanku bahawa dalam majlis perjumpaan mesra pada hari tersebut di antara pegawai Indonesia dengan YTM Tunku Abdul Rahman tiadapun langsung perbualan menyentuh sebab-sebab mengapa Brunei tidak masuk menyertai Malaysia seperti yang dilaporkan oleh penulis Indonesia itu.

Ampun Tuanku, Apa yang menjadi pokok perbualan dan gurau senda antara YTM Tunku Abdul Rahman dengan pegawai Indonesia itu ialah tentang masalah bahasa dan loghat setempat di mana masing-masing pihak tidak atau salah faham akan maksudnya yang menimbulkan masalah dari segi fahaman. Dalam perbualan itulah terkeluar cerita loghat Kedah yang dituturkan oleh YTM Tunku Abdul Rahman yang juga ingat bahawa Ke Bawah Duli Tuanku sendiri kadang kala tidak memahaminya. Oleh yang demikian cerita itu bukanlah memberi sebab yang sebenar-benarnya mengapa Brunei tidak menyertai Malaysia, apatah lagi kejadian yang diceritakan itu berlaku pada suatu waktu di mana gagasan mengenai penubuhan Malaysia masih dalam ura-ura lagi. Nyatalah lapuran yang memberi beberapa sebab mengapa Brunei tidak menyertai Malaysia itu adalah perkara-perkara yang dikeluarkan oleh penulis rencana itu sendiri dan bukan dari pihak YTM Tunku Abdul Rahman atau Patik Hamba Tua sendiri.

Ampun Tuanku, Patik Hamba Tua merafak sembah tidak terlintas dalam sanubari Patik Hamba Tua sewaktu menceritakan kejadian tersebut untuk menyentuh maruah dan darjat Ke Bawah Duli Tuanku dan juga kedudukan Brunei. Ke Bawah Duli Tuanku sendiri sedia maklum Patik Hamba Tua telah menjalankan segala usaha sejak beberapa tahun lagi supaya hubungan persahabatan antara Brunei dan Malaysia dipulihkan seperti sedia kala.

Ampun Tuanku, Patik Hamba Tua sentiasa menghormati dan kasih terhadap Ke Bawah Duli Tuanku sebagai payung dan tidaklah munasabah yang Patik Hamba Tua berniat atau melakukan sesuatu yang tidak menyenangkan Ke Bawah Duli Tuanku. Patik Hamba Tua bagi pihak peribadi memohon ampun jua dan sentiasa berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala janganlah kiranya cacat sedikit pun tali silaturahmi antara rakyat dan Kerajaan Brunei dengan rakyat dan Kerajaan Malaysia.

Ampun Tuanku Beribu Ampun sembah Patik mohon diampun.

Patik Hamba Tua, Tuanku,

Ghazali Shafie
(M. Ghazali Shafie)

Menerima mengadap

KEBAWAH Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien menerima mengadap Pesuruhjaya Australia (gambar atas) dan bawah, Baginda ketika menerima mengadap Konsul Agung Diraja Thai.

Baginda itu pada hari Isnin Baginda telah juga menerima mengadap Pesuruhjaya Diraja Thai di Istana Darul Hana.

Baginda sama ke istiadat itu Baginda menerima mengadap Pesuruhjaya Diraja Thai di Istana Darul Hana.

Baginda menerima mengadap Pesuruhjaya Diraja Thai di Istana Darul Hana.

IMAN

Baginda menerima mengadap Pesuruhjaya Diraja Thai di Istana Darul Hana.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia menerima mengadap Pesuruhjaya Australia (gambar atas) dan bawah, Baginda ketika menerima mengadap Konsul Agung Diraja Thai.





Pelita Brunei
BERITA RUMAH SAKIT

5 OKTOBER, 1983.

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

KHEMAH LATIHAN ASKAR SINGAPURA: TANDA AMALAN BERBAIK-BAIK

KEHADIRAN Angkatan Bersenjata Singapura berupa perkhemahan untuk latihan khusus dalam bidang

taktik pertempuran hutan boleh dikatakan mendapat perhatian daripada rakyat negara ini. Perhatian itu setengah-setengahnya pernah disuarakan dalam acara gerakan-gerakan Penerangan yang mana orang ramai mendapat kesempatan yang wajar dalam mengemukakan pendapat dan pemerhatian mereka berhubung dengan hal-ehwal semasa negara ini.

Penjelasan yang pernah diberikan setakat ini ialah bahawa kehadiran mereka itu adalah untuk menjalani latihan dalam bidang taktik pertempuran hutan di mana kemudahan bagi maksud itu tidak diperolehi di negara mereka. Dan kita memberikan kemudahan sedemikian dengan semangat dan amalan kita untuk berbaik-baik dengan negara-negara lain yang ikhlas dan jujur. Dalam hal itu perhubungan kita dengan negara-negara luar yang sedemikian sentiasa berasaskan kepada prinsip saling faham-memahami, percaya-mempercayai dan hormat-menghormati akan keperluan dan kepentingan masing-masing. Kita berkeyakinan yang prinsip tersebut akan membolehkan kita memainkan peranan sebagai sebuah negara merdeka yang makmur dan maju di rantau ini.

Terhadap Republik Singapura, seperti juga terhadap negara-negara jiran yang terdekat di rantau ini, kita sedia mempunyai perhubungan berbaik-baik dan saling mempunyai kepentingan bersama. Kemudahan yang kita berikan kepada republik itu sehingga membolehkannya mempunyai perkhemahan untuk latihan

semenjak tahun 1977 lagi adalah dengan sangkaan baik dalam semangat yang berbaik-baik. Kita sendiri telah menerima berbagai-bagai kemudahan di republik itu semenjak dahulu lagi bukan sahaja dalam bidang ketenteraan bahkan juga kemudahan-kemudahan lain dan asas-asas lain seperti pelajaran, perhubungan awam, pos dan seumpamanya. Dengan sebab itu tidak sepatutnya ada sebarang tanggapan dari mana-mana kalangan jua yang meragukan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin negara ini yang menolong mengukuhkan lagi perhubungan dengan Republik Singapura sehingga ke peringkat yang ada pada masa ini.

Dalam pada itu kita menghargai pemerhatian orang ramai terhadap kehadiran Angkatan Bersenjata Republik Singapura itu. Selama mana pemerhatian mereka dibuat dengan jujur dan semata-mata mengambil kira akan kepentingan sebenar Negara Brunei Darussalam serta rakyatnya maka ia adalah selaras dengan semangat dan kesedaran yang patut ada di kalangan kita semua dalam memelihara dan memajukan kepentingan-kepentingan kita. Lain halnya jika pemerhatian dibuat dengan tanggapan yang keliru serta kecurigaan-kecurigaan yang tidak berasas. Pemerhatian yang sedemikian bukan sahaja tidak sihat bahkan tidak menolong mengukuhkan dasar dan prinsip yang kita ikuti dan amalkan terhadap negara-negara luar dalam masa negara kita Brunei Darussalam akan memainkan peranannya sebagai sebuah negara yang

merdeka dengan memikul tarabangsa sepenuhnya.

Hal sama juga tentunya dapat berlaku dari mana-mana daripada anggota-anggota yang datang berlatih dari semasa ke semasa kedatangan mereka akan membolehkan pandangan kepada mereka sendiri dan kepada pemandangan dan alam sekitar Singapura dengan negara ini dan dengan Brunei. Kita dapat mengharap agar Brunei sekurang-kurangnya akan mendapat pelajaran yang mendalam mengenai negara yang sebenarnya dalam sebuah negara yang mempunyai tradisi dan kebudayaan yang mendalam, dan hendaknya menghargai malah menghormati negara ini cuba lakukan dan lakukan pada zaman baru sendiri.

Setentunya semangat berbaik-baik ini telah oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan negara tetangga seperti Republik Singapura merupakan semangat rakyat yang berkeyakinan dan peningkatan sedemikian itu tentunya pula bermaksud jauh mana semua pihak boleh turut berkecuali dan harapan masing-masing untuk memelihara 'rasa hati' kita di negara ini.

BRUNEI SEDIA NIKMATI TARAF KERAJAAN SENDIRI

ORANG ramai sudah pun maklum bahawa Brunei negara kita akan merdeka sepenuhnya mulai dari 1 Januari 1984. Pertukaran taraf dari sebuah negara naungan kepada taraf negara yang merdeka lagi berdaulat itu ialah berikutan daripada persetujuan yang dicapai di antara Brunei dengan United Kingdom untuk menamatkan semua perjanjian-perjanjian hubungan istimewa di antara kedua buah negara (tahun 1846 hingga tahun 1971) yang mana perjanjian-perjanjian dan hubungan-hubungan yang dibuat dengan United Kingdom itu adalah bertentangan dengan tanggungjawab antarabangsa sepenuhnya sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka.

Insya-Allah kita akan menyambut dan merayakan kemerdekaan itu dengan meriah, bangga serta merasa beruntung kerana sempat menyertainya lalu akan bersyukur di atas limpah kurnia Allah yang memperkenankan kita mempunyai negara yang merdeka sepenuhnya.

ERTI KEMERDEKAAN BAGI BRUNEI

Brunei sudah sedia menikmati taraf berkerajaan sendiri. Tanggungjawab dan kuasa pemerintahan sudah sedia berada dalam tangan Brunei lama sebelum persetujuan dicapai untuk Brunei mengambil alih semula tanggungjawab antarabangsa sepenuhnya. Hanya dua perkara sahaja yang masih dipegang oleh British iaitu hal-ehwal luar negeri dan pertahanan menurut perjanjian yang dibuat dalam tahun 1959 dan dipinda dalam tahun 1971. Perjanjian tersebut juga akan ditamatkan. Maka dengan itu peralihan kepada taraf sebuah negara yang merdeka bagi Brunei hanyalah melibatkan tambahan beberapa tanggungjawab khusus dalam bidang pertahanan dan hal-ehwal luar negeri. Bukan peralihan kuasa memerintah.

Sungguhpun peralihan kepada taraf sebuah negara

yang merdeka itu bagi Brunei cuma melibatkan pertambahan tanggungjawab khusus dalam bidang pertahanan dan hal-ehwal luar negeri, namun tidak dapat dinafikan dan tidak dapat ditolak kenyataan bahawa pencapaian penuh kemerdekaan itu dengan sendirinya membawa atau mendatangkan berbagai-bagai cabaran. Jangkaan-jangkaan dan harapan-harapan terhadapnya sekalipun mungkin dapat dikurangkan tetapi kita tidak dapat menolak atau meniadakan sama sekali. Sebab harapan dan jangkaan berikutan tercapainya kemerdekaan adalah suatu perkara yang biasa dirasakan dan dialami oleh bangsa-bangsa yang mencapai kemerdekaannya. Ia merupakan sebahagian daripada daya penggerak bagi sesuatu bangsa yang merdeka untuk mengusahakan dengan terus-menerus memajukan berbagai-bagai kepentingannya.

Maka dengan itu sudah barang tentunya tanggungjawab kita dan pemimpin-pemimpin kita akan bertambah besar dengan cabaran-cabaran yang juga hebat. Dalam perhubungan itu rakyat dan juga lebih-lebih lagi Kerajaan tentulah akan menyesuaikan diri dengan tanggungjawab yang bertambah itu dan cabaran yang hebat itu dalam suasana yang baharu di mana kita sendiri mempunyai jangkaan-jangkaan dan harapan-harapan.

KITA PERCAYA BRUNEI MAMPU UNTUK TEGUH

Kita sudah sedia mempunyai Kerajaan dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai kuasa memerintah yang tertinggi. Menerusi dasar-dasar Kerajaan yang mengambil kira akan kepentingan negara dan rakyat, Brunei telah dan sedang dimajukan. Pembangunan infrastruktur dan lain-lain perkembangan kemajuan negara telah banyak mengubah corak kehidupan

rakyat dan penduduk. Perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh rakyat seperti pembekalan air dan elektrik, perhubungan jalan raya dan juga titian semuanya membantu dalam membaiki dan meninggikan taraf hidup rakyat dan penduduk.

Dan yang lebih penting dari kesemua itu ialah Kerajaan dalam tempoh lebih sedikit tiga puluh tahun yang terakhir semenjak pemerintahan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin semasa Duli Yang Teramat Mulia itu menjadi Sultan dan Yang Dipertuan; dan di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Sir Muda Hassanah Bolkiyah hingga sekarang ini dasar Kerajaan mengenai pelajaran sangatlah berkesan pada menentukan rakyat Brunei seluruhnya bukan sahaja bebas dari buta huruf, bahkan pada menentukan yang mereka dapat mencapai sesuatu bidang ilmu pengetahuan yang sangat diperlukan oleh negara. Anak-anak kita pada masa ini masih menikmati dasar yang sama. Kejayaan dasar tersebut ternyata telah mempengaruhi ke atas hal-ehwal rakyat, negara dan Kerajaan. Ia berpengaruh dalam seseorang mengubah dan mencapai taraf hidup yang lebih baik bagi dirinya dan keluarganya. Dan boleh dikatakan dengan berkat dasar itulah jua Brunei dapat menyaksikan perlumbaan yang sihat di kalangan rakyatnya untuk maju dan mencapai taraf ekonomi dan sosial yang baik. Dan dapat pula dikatakan dengan yakin bahawa berkat dasar pelajaran yang memberi peluang kepada semua lapisan rakyat dan penduduk itu Brunei pada masa ini telah dan terus mendapat hasil berupa rakyat yang berpelajaran di mana sebahagian mereka berkelayakan untuk memikul tanggungjawab-tanggungjawab dalam Kerajaan dan mempunyai komitmen atau penglibatan ke atas untung

nasib serta masa hadapan rakyat dan negara.

Sesungguhnya dasar-dasar yang ada terutama sekali mengenai pelajaran dan perkhidmatan sosial lainnya telah mendatangkan manfaat atau faedah yang besar kepada negara dan rakyat. Kerana itu dasar-dasar tersebut sangat cocok dan sesuai untuk terus dikembangkan selepas merdeka nanti. Tidak ada sebab mengapa ia tidak dapat diteruskan dan dikembangkan. Seperti itu juga tidak ada sebab yang munasabah untuk sesiapa memikirkan bagi melemahkannya dengan mengubah trend atau aliran perkembangan kemasyarakatan yang memberi kesempatan kepada semua lapisan rakyat maju dan mencapai taraf ekonomi dan sosial menerusi usaha serta kerja yang sungguh-sungguh dan menerusi pencapaian pelajaran. Dasar tersebut adalah dasar yang sihat untuk terus diikuti.

Dengan meneruskan dasar-dasar yang mengambil kira akan kepentingan rakyat dan negara, iaitu kesejahteraan dan keselamatannya seperti yang sudah dibuktikan itu, maka kita percaya Brunei yang merdeka mampu atau boleh terus mengekalkan keteguhannya dan keutuhannya.

KEPIMPINAN

Sebagai yang saya tegaskan dalam perjumpaan di Mukim Lumapas itu bahawa negara dan rakyat memerlukan Kerajaan yang kuat dan kekuatan itu antaranya ialah sokongan serta kepercayaan rakyat. Dengan meneruskan dasar-dasar yang sudah ternyata baik dan bermanfaat kepada negara dan rakyat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda tentunya layak untuk mendapat kepercayaan dan sokongan rakyat. Dan kepercayaan dan sokongan rakyat itu dijangka akan semakin teguh jika dasar-dasar yang ada dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

BERIKUT ialah ucapan Pengarah Penerangan, Awang Haji Othman di majlis perjumpaan penduduk-penduduk Mukim Tamol di Kampung Air pada 29 September 1983 yang baru lalu.

Perlaksanaan sesuatu dasar dengan baik dan dengan berkesan memerlukan kepimpinan negara dan kepimpinan dalam Kerajaan yang terus-menerus berkecuali untuk memberi kepimpinan yang bukan sahaja baik bahkan bijaksana. Kita percaya rakyat tentunya akan menerima kepimpinan sedemikian. Yang penting hakikat mengenai kepimpinan negara dan kepimpinan dalam Kerajaan bukan semata-mata menjadi perkara yang dipekerapakkan, malah ia hendaknya difikirkan dengan penuh kesedaran serta keinsafan bahawa kita semua iaitu rakyat dan penduduk perlu mendapat keyakinan yang berterusan dari corak kepimpinan yang akan diberikan oleh negara ini dari semasa ke semasa.

BUKAN MENUBUHKAN NEGARA

Kita akan merdeka bukan bermakna baharu akan memulai kerja-kerja tertubuh dengan asas-asasnya yang jelas. Antara asas-asas yang utama ialah kita sudah mempunyai Kerajaan dengan kuasa tertinggi memerintah berada dalam tangan Sultan dan rakyat mentaati Baginda serta menjunjung kedaulatan Baginda sebagai Raja untuk memerintah dengan adil. Kita sudah menentukan kedudukan dan taraf kerakyatan. Kita sudah menentukan bahawa agama Islam adalah agama rasmi, dan bahasa Melayu juga adalah bahasa rasmi. Ini semuanya merupakan asas kenegaraan yang terpenting bagi kita. Ia telah dirumuskan menerusi Undang-undang dan Perlembagaan. Dan yang penting ditegaskan ialah asas-asas tersebut telah jelas pengaruhnya ke atas mengukuhkan lagi corak Brunei sebagai sebuah Kesultanan Melayu Islam.

CABARAN YANG TERBESAR

Dalam perjumpaan yang lalu di Mukim Lumapas baru ini, saya menyatakan bahawa sebenarnya tanggungjawab yang berat bagi kita semua selepas merdeka nanti ialah tanggungjawab pada mengukuhkan negara. Kemerdekaan yang dicapai

akan secara bersempena dengan sendirinya cabaran bagi pemimpin-pemimpinnya. Saya mengemukakan cabaran ini kepada kita terhadap asas kenegaraan yang dirumuskan oleh kita sebagai pemimpin-pemimpin yang sesuai dengan keadaan berkerajaan merdeka. Setelah mentaati Baginda yang perlu terus-menerus diyakinkan akan kebijaksanaan dan kewanitaan dan ketahanan seperti

Asas kenegaraan menentukan peralihan amalan berkerajaan merdeka.

Kuiz
Keselamatan
Jalan

BANDAR SERI
— Majlis Kerajaan
Raya Negara
Darussalam akan
jurkan peralihan
Keselamatan
1983 di seluruh

Peraturan
ingkat Negeri
diadakan
Disember 1983

Peraturan
daerah
jalankan
Oktober
tukan
pasukan
wakil bagi
duan per

Bores
boleh
Daerah
Tarikh
ini ialah
1983

KEMUDAHAN AWAM DATANGKAN MANFAAT KEPADA RAKYAT

BANDAR SERI BEGAWAN. Rancangan pembangunan di bidang pendidikan dan kesihatan dan kemudahan awam rakyat dan telah men-
manfaat yang

Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Haji Othman ketika Majlis Perjumpaan bagi penduduk Tamoi malam Isnin lalu menekankan

dasar-dasar itu telah dan sedang digunakan in-
dan lain-lain kemajuan telah banyak corak kehidupan dan penduduk. dan kemudahan yang oleh rakyat seperti air dan letrik, jalanraya dan semuanya mem-
membbaiki dan taraf hidup penduduk," tegas

lebih penting dari
jelas Pengarah

151 orang
penuntut
perguruan
MPSHB
lulus

BANDAR SERI BEGAWAN. 151 orang penun-
telah lulus kursus
tahun 1980 - 1983
Majlis Perguruan
Hassanal Bolkhiah
dan menerima sijil
di dalam satu ma-
di dewan
tersebut pada
15 Oktober, jam

masuklah juga an-
penyampaian sijil
dari pengajian
1978-1981. Pengajian
1977-1980 dan 1976
masing-masing seorang
sijil mereka,
tiga orang akan
mereka dalam
perkhidmatan bagi
pengajar
1980 - 1985.

penyampaian sijil
akan dilakukan oleh
Pengarah Ismail bin
Haji Damit.
Karya Raya.

Penerangan, ialah Kerajaan dalam tempoh lebih sedikit tiga puluh tahun yang terakhir semenjak pemerin-
tahan D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin semasa D.Y.T.M. itu menjadi Sultan dan Yang Dipertuan; dan di bawah pemerintahan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan Sir Muda Hassanal Bolkhiah hingga sekarang ini dasar Kerajaan mengenai pelajaran sangatlah berkesan pada menentukan rakyat Brunei bukan saja bebas dari buta huruf bahkan pada menentukan yang mereka dapat mencapai sesuatu bidang ilmu pengetahuan yang sangat diperlukan oleh negara.

Kejayaan dasar itu kata Awang Haji Badaruddin lagi ternyata berpengaruh dalam seseorang mengubah dan mencapai taraf hidup yang lebih baik bagi dirinya dan keluarganya; dan boleh dikatakan berkat dasar itulah jua Brunei dapat menyaksikan perlumbaan yang sihat di kalangan rakyatnya untuk maju dan mencapai taraf ekonomi dan sosial yang baik; serta telah dan terus mendapat hasil berupa rakyat yang berpelajaran.

Tambahnya berdasarkan kebolehan dan komitmen masing-masing kepada Kerajaan dan rakyat, Kebawah Duli D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah memberi kepercayaan memikul tanggungjawab dalam berbagai-bagai urusan Kerajaan.

Pengarah Penerangan menegaskan bahawa dasar seumpama itu masih berjalan pada masa ini dan tidak ada sebab untuk tidak meneruskannya di masa hadapan.

Menjelang dan selepas kemerdekaan, katanya, perkara utama itu ialah usaha bagi mengukuhkan lagi negara.

Dasar-dasar yang ada dan sudah terbukti baik seten-
tunya akan berkesan dalam mengukuhkan lagi negara di masa hadapan di mana Baginda dan Kerajaan Baginda selayaknya akan mendapat sokongan dan kepercayaan rakyat yang berterusan, ber-
dasarkan kepimpinan yang baik lagi bijaksana, yang sentiasa mengambil kira akap hasrat rakyat.

Perjumpaan yang diadakan di Sekolah Rendah Haji Tarif, Kampung Tamoi itu telah dihadiri oleh kira-kira 200 orang penduduk mukim tersebut dan telah dipengerusikan oleh Pg.

Suhaili bin Pg. Hj. Abd. Ghani.

Di antara yang hadir ialah Y.A.M. Pengiran Jaya Perkasa Pengiran Anak Haji Metassan; Penghulu Mukim Tamoi, Pengarah Haji Metussin, Ketua-ketua Kam-
pung, guru-guru dan pegawai-pegawai kanan Bahagian Penerangan Jabatan Setiausaha Kerajaan.



AWANG Haji Badaruddin, Pengarah Penerangan ketika berucap diperjumpaan tersebut.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 5 hingga 11 Oktober 1983

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Serasa	5.10.1983	Rabu	10.00-10.30 pagi
Sekolah Melayu Mentiri	5.10.1983	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	5.10.1983	Rabu	11.30-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Sungai Liang dan Sekolah Melayu Lumut	6.10.1983	Khamis	10.00-11.00 pagi
Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkhiah	6.10.1983	Khamis	2.30- 3.30 petang
*Sekolah Melayu A. Haji Mohd Yussof, Katimahar	8.10.1983	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Penjara Jerudong	8.10.1983	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Mulaut	8.10.1983	Sabtu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Birau	8.10.1983	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Melayu Kiudang	8.10.1983	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Melayu Lamunin	8.10.1983	Sabtu	4.00- 5.00 "
Sekolah Melayu Haji Mohd Salleh Sungai Hancing	10.10.1983	Isnin	8.45- 9.45 pagi
Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan	10.10.1983	Isnin	10.00-11.00 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah)	11.10.1983	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Anggerik Desa	11.10.1983	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Ugama Haji Mohd Jafaar, Kampung Kiulap	11.10.1983	Selasa	2.45- 3.15 petang
Sekolah Ugama Kampung Mata-Mata	11.10.1983	Selasa	3.35- 4.00 "
Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong	11.10.1983	Selasa	4.30- 5.30 "

* Cuti Tahun Hijrah 1404.

Nikmati taraf kerajaan sendiri

(Dari muka 2)

dengan memilih Islam sebagai agama rasmi. Bangsa kita telah turun-temurun menerima hakikat ini. Dalam kehidupan bernegara kita perlulah terus-menerus yakin untuk berpedoman ajaran Islam dan berusaha melaksanakan hukum-hukumnya secara berperingkat-peringkat menurut kemampuan dan keupayaan kita. Dan begitulah seterusnya dengan lain-lain asas kenegaraan kita. Kita perlu yakin dan perlu diyakinkan bahawa semua asas-asas itu murni, manis, elok dan bisai. Tidak ada orang lain akan dapat berbuat begitu melainkan kita sendiri. Kita yang saya maksudkan ialah rakyat dan pemimpin-pemimpin yang mana berat-ringan tanggungjawab kita setentunya menurut kadar keupayaan masing-masing.

Apabila kita yakin akan semua asas-asas itu, maka keyakinan kita itu bukanlah semata-mata kerana ia

sebahagian daripada tradisi dan sifat turun-temurun bangsa kita bahkan juga ialah kerana kita benar-benar diyakinkan bahawa ia elok, kerana benar-benar merasakan bahawa ia murni dan bisai. Tidak ada orang lain yang lebih perlu menyayangi dan memelihara semuanya itu melainkan kita sendiri, bukan orang luar.

KITA MAHUKAN BRUNEI YANG TEGUH

Apa pun perkembangan menjelang dan selepas merdeka nanti yang penting ialah Brunei akan bertambah teguh dan kukuh. Brunei yang teguh dan kukuh itu ialah Brunei yang rakyat serta pemimpin-pemimpinnya terus-menerus yakin dan diyakinkan untuk bukan sahaja menjunjung dan menerima cara pemerintahan berjaya, taraf kerakyatan, ugama Islam dan bahasa Melayu yang kesemuanya itu menjadi dasar ketulenan Brunei, bahkan juga rakyat dan pemimpin-pemimpin yang

bersangat untuk mengem-
bangkan dan memper-
tahankan asas-asas ketulenan tersebut.

Sebab itu dalam perjumpaan di Mukim Lumapas baru-baru ini saya menggariskan bahawa sekalipun kita sudah mempunyai Kerajaan yang berfungsi dengan baik tetapi dalam pada itu Brunei dan rakyatnya sangat memerlukan Kerajaan yang kuat yang bukan sahaja untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat bahkan juga untuk memimpin rakyat ke arah memenuhi ertikata negara dan bangsa yang merdeka yang sebenar-benarnya dan untuk memikul tanggungjawab pemerintahan yang sepenuhnya. Saya telah menegaskan bahawa Kerajaan yang sedemikian itu setentunya Kerajaan yang mendapat sokongan serta kepercayaan rakyat. Sokongan dan kepercayaan itu penting untuk memberikan kepimpinan yang berkesan kepada rakyat dan negara.

Kanak2 perlu diberi perhatian wajar

BANDAR SERI BEGAWAN. Kanak-kanak adalah merupakan satu kumpulan masyarakat yang semestinya diberikan perhatian yang sewajarnya. Bimbingan dan asuhan yang diberi kepada mereka ke arah tersebut akan dapat memberikan mereka pengalaman-pengalaman pada membentuk corak kehidupan di hari muka.

Salah satu cara yang diunkayahkan ke arah tersebut ialah menubuhkan sebuah Kelab Kerajinan Tangan, di bawah kelolaan Perpustakaan Kanak-kanak anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Kelab tersebut mengadakan aktiviti-aktivitinya dengan membuat ukiran-ukiran dari sabun sebagai satu cara mengisi masa cuti persekolahan minggu lalu.

Kegiatan kelab tersebut berjalan selama empat hari dan disertai oleh seramai 30 orang kanak-kanak dari beberapa buah sekolah-sekolah rendah di Daerah Brunei dan Muara.

Di samping membuat ukiran-ukiran dari berbagai-bagai bentuk seperti huruf, binatang dan lain-lain kelab tersebut juga telah mengadakan lawatan ke Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan di Jalan Berakas.

Mengakhiri kegiatan kelab itu ialah majlis penyampaian hadiah-hadiah kepada kanak-kanak yang berjaya membentu-
ukiran yang cantik dari sabun yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Perpustakaan Dy Nillie bte Haji Sunny, di mana tempat pertama telah dimenangi oleh Awang Asmali bin Razali, kedua Awang Hamdilah bin Haji Metersad dan ketiga Dayang Norashikin bte Abd Rahim.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perjumpaan bagi membuat persediaan-persediaan untuk persembahan di perhimpunan raksaksa sempena hari kebangsaan telah diadakan di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada hari Jumaat lepas.

Perjumpaan tersebut di antara Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein yang juga selaku Yang Dipertua MBB dengan wakil-wakil Ahli Jawatankuasa Kerja bagi persembahan belia.

Adalah dianggarkan kira-kira 15 ribu orang belia dan beliawanis termasuk murid-murid sekolah dijangka akan mengambil bahagian di ber-

PERJUMPAAN PERHIMPUNAN RAKSAKSA

bagai bahagian kumpulan seperti nelayan, petani, silat, hadrah dan lain-lain bahagian bersempena hari kebangsaan itu nanti.

Di perjumpaan tersebut para wakil telah membincangkan mengenai peralatan persembahan dan juga kelengkapan yang akan diperlihatkan oleh para peserta yang akan mengambil bahagian.

Corak persembahan juga turut diteliti oleh jawatankuasa untuk memastikan bahawa setiap pasukan dapat memahami arahan-arahan yang akan ditunjukkan kepada ketua kumpulan masing-masing. Ini termasuklah masalah pengangkutan peserta yang mengambil bahagian.

Sebagai langkah permulaan, satu latihan akan diadakan di padang Kebajikan Belia dan Sukan pada 9 Oktober. Latihan tersebut antaranya berjalan lalu sambil memberi hormat dan seterusnya membuat pergerakan lain. Dalam pada itu latihan persendirian juga telah diadakan oleh kumpulan masing-masing.

Timbalan Setiausaha Jawatankuasa Perhimpunan Agung Awang Sidek bin Yahya telah menyeru semua para peserta akan menyertai persembahan hari kebangsaan tersebut, akan dapat hadir pada setiap latihan yang dijalankan agar jadual yang telah disusun akan berjalan dengan lancar.



Mesyuarat JK Perhimpunan

SATU Mesyuarat Jawatankuasa Perhimpunan Agung telah diadakan pada hari Selasa untuk meneliti dan mengkaji kegiatan rancangan yang sudah disusun bagi Perhimpunan Raksaksa Kebangsaan pada 23 Februari tahun depan.

Mesyuarat tersebut telah diadakan di Mess Pegawai Bolkiah Kem dengan dihadiri oleh Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Seri Setia Awang Abdul Rahman selaku Pengerusi Jawatankuasa Perhimpunan Agung (gambar atas).

Ahli jawatankuasa Sekolah

BELAIT. — Sekolah Melayu Dato Maharaja Setia Dian Sukang Daerah Belait telah melantik seramai 10 orang ahli jawatankuasa sekolah bagi tahun 1983/84 setelah mengadakan mesyuarat pada 11 September lepas bertempat di dewan sekolah tersebut.

Ahli-ahli jawatankuasa tersebut ialah penaung, Pg Haji Tuah bin Pg Chuchu, Penyalia Kanan Sekolah-Sekolah Daerah Belait; penasihat; Awang Mohd Jali bin Radin, Penyalia Sekolah-Sekolah Daerah Belait; yang dipertua; Awang Simpok bin

DMS. Dian, Penghulu Mukim Sukang, Ulu Belait, pengerusi Cikgu Marak bin DMS. Dian, Guru Sekolah Melayu DMS. Dian Sukang, Belait, timbalan pengerusi, Awang Ingir Anak Sawing, setiausaha, Cikgu Kumiti bin Lintang, penolong setiausaha, Awang Basri bin Pawi, bendahari, Cikgu Son Anak Bungik dan pemeriksa kira-kira Cikgu Rahimin bin Mohd Yusof dan Awang Ibrahim bin Pawi. Mesyuarat pada hari itu juga melantik seramai 22 orang ahli yang mewakili bagi tiap-tiap kampung.

Bantu kerajaan basmi pendatang haram

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Orang ramai diseru membantu Kerajaan untuk membasmi pendatang-pendatang haram melalui bidang pekerjaan tanpa memegang surat perjalanan yang sah, dan menyusup masuk di tempat-tempat yang tidak dapat di kesan oleh pihak berwajib.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin berucap demikian di majlis Kesyukuran Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, anjuran penduduk-penduduk Kampung Sungai Besar pada minggu lalu.

Katanya, dalam pembangunan negara ini masih lagi memerlukan tenaga-tenaga luar negeri dalam beberapa hal, dan ketentuan kemasukan mereka adalah mengikut peraturan-peraturan biasa serta di samping itu juga kita hendaklah berwaspada kemungkinan pendatang-pendatang tersebut akan merosakkan keharmonian kehidupan

masyarakat, oleh itu kita hendaklah berganding bahu dengan kerajaan dalam menjalankannya.

Kederaan tempo pembangunan negara ini ujar beliau, adalah dihasratkan untuk dimanfaatkan bagi kebajikan rakyat dan penduduk yang mana akan menjadi ristaan sejarah pada tahap negara memasuki era baru sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat.

Beliau selanjutnya mengingatkan bahawa kederaan pembangunan ada kalanya membawa pengaruh-pengaruh luar yang tidak baik dan tidak selaras dengan masyarakat, untuk itu kerajaan sememangnya berusaha mengawal dan mengadakan langkah-langkah yang bersesuaian pada mengelak anasir tersebut dari bertapak mahupun menjangkiti melalui usaha-usaha dan ungkayahnya masing-masing.

Di dalam majlis tersebut beliau memuji persefahaman dan permuafakatan di kalangan rakyat dan penduduk dalam memikul apa juga kerja yang hendak



Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein ketika menerangkan kepada perwakilan badan-badan yang akan menyertai perhimpunan tersebut.

PANDUAN SISTEM EJAAN RUMI BARU BAHASA MELAYU

47. Huruf q menjadi k

Contoh :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
quality	kualiti
technique	teknik
quantity	kuantiti
quartz	kuartza

48. Huruf r atau rr menjadi r

Contoh :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
robot	robot
recruit	rekrut
lorry	lori
curriculum	kurikulum

49. Huruf rh menjadi r

Contoh :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
rhetoric	retorik
rhythm	ritma
rhyme	rima
rheumatic	reumatik

50. Huruf s atau ss menjadi s

Contoh :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
status	status
express	ekspres
compass	kompas
process	proses

51. Huruf sc menjadi s

Contoh :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
proscenium	prosenium
science	sains

52. Huruf sc menjadi sk

Contoh :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
scooter	skuter
scope	skop
telescope	teleskop
script	skrip

53. Huruf sch menjadi sk

Contoh :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
scheme	skim

—scholastic

| skolastik

54. Huruf t atau tt menjadi t

Contoh :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
tractor	traktor
battery	bateri
kettle	ketel
battalion	batalion

55. Huruf th menjadi t

Contoh :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
anthology	antologi
anthropology	antropologi
theory	teori

56. Huruf u tetap menjadi u

Contoh :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
unit	unit
university	universiti
republic	republik
forum	forum

—57. Huruf ua tetap menjadi ua

Contoh :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
quality	kualiti
aquarium	akuarium
dualism	dualisme
visual	visual

58. Huruf ue tetap menjadi ue

Contoh :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
duet	duet
banquet	bankuet

59. Huruf ue menjadi u

Contoh :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
issue	isu

tissue

accrue

60. Huruf u di

dalam bahasa

Contoh :

Bahasa Inggeris

catalogue

cheque

dialogue

prologue

61. Huruf u tetap

Contoh :

Bahasa Inggeris


annuity

equinox

PERINGATAN : Semua pertanyaan atau mengenai panduan ini jukan kepada Pemangku Dewan Bahasa dan Pustaka Seri Begawan, Brunei.

Tanpa sembahyang : SEMUA AMALAN JADI SIA2

KHUTBAH JUMAAT



robah menimpa ke atas kita.

Hal ini dikuatkan lagi oleh ayat Quran surah Mariam ayat 59, tafsirnya: "Dan kemudian mereka digantikan oleh suatu generasi yang meninggalkan sembahyang dan mengikutkan syahwat. Mereka itu pasti akan menemui kebinasaan".

MELAMBAT-LAMBATKAN

Sahabat Ibnu Abbas r.a. dalam menafsirkan makna perkataan "Adauiha" (meninggalkan sembahyang), bukanlah meninggalkan sama sekali. Tetapi yang dimaksudkan di sini oleh ayat ini ialah melambat-lambatkan sem-

bahyang itu daripada waktunya, seperti tidak sembahyang Zuhur sehingga masuk waktu Asar, tidak sembahyang Asar sehingga masuk waktu Maghrib. Tidak sembahyang Maghrib sehingga masuk Isyak. Tidak sembahyang Isyak sehingga terbit fajar (masuk waktu Subuh), dan tidak sembahyang Subuh sehingga terbit matahari. Barangsiapa yang melakukan seperti ini, mencuai-cuaikan sembahyangnya, menanggunkan waktunya, dan dia mati dengan tidak bertaubat, maka Allah menjanjikan kepadanya ghayyun (sebuah gaung di dalam neraka yang amat dalam dan kotor). Hal ini disokong pula oleh ayat 4

surah Al-Maun, tafsirnya: "Celakalah orang-orang yang sembahyang, yang lalai dan cuai dari sembahyangnya itu".

Yang diterangkan oleh ayat di atas adalah berkenaan dengan orang-orang yang mencuai-cuaikan sembahyangnya. Mereka itu akan dibalas dengan azab di dalam jurang neraka. Ini orang yang mencuai-cuaikan sembahyang. Maka betapalah lagi jika tidak melakukan sembahyang langsung? Cubalah bayangkan betapa kemurkaan Allah kepadanya?

TIDAK BERAMPUN

Kerana itu wahai kaum Muslimin, adalah tidak syak lagi, meninggalkan sembahyang itu adalah suatu dosa yang amat besar, yang tidak akan berampun jika diteruskan sepanjang umur kita. Perbuatan meninggalkan ibadah sembahyang akan menjejaskan kiraan amal-amalan kita yang lain di hari akhirat. Bahkan kalau tidak ada sembahyang, segala lain-lain amal seperti kebaktian puasa, zakat, haji dan pendeknya apa sahaja

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 5 Oktober, 1983 hingga ke hari Selasa 11 Oktober, 1983 adalah seperti di bawah ini:—

Hari Bulan	Zuhur	Asar	Maghrib	Ishak	Imsak	Subuh	Matahari Terbit
5 Okt	12.16	3.33	6.17	7.31	4.35	4.50	6.07
6 Okt	12.14	3.32	6.14	7.30	4.34	4.49	6.06
7 Okt	12.14	3.32	6.14	7.30	4.34	4.49	6.06
8 Okt	12.14	3.32	6.14	7.30	4.34	4.49	6.06
9 Okt	12.14	3.32	6.14	7.30	4.34	4.49	6.06
10 Okt	12.14	3.32	6.14	7.30	4.34	4.49	6.06
11 Okt	12.13	3.30	6.12	7.28	4.43	4.49	6.06

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei di mulai dari pukul 12.45 minit tengah hari.

"Ibadat sembahyang itu tiang agama, barangsiapa yang men-dirikannya maka orang itu menegakkan agama dan barangsiapa yang meninggalkannya maka bermakna ia merobohkan agama itu."

amalannya. Berdasarkan ini, wahai kaum Muslimin, marilah kita jangan sekali-kali mencuai-cuaikan sembahyang, apatah lagi meninggalkan langsung. Rebutlah umur tuan-tuan sementara Allah meminjamkannya dengan sembahyang. Jangan lepaskan kesempatan ini, jangan tunggu bila umur sudah 30 atau 40 tahun baru hendak sembahyang, jangan. Kewajipan ini bahkan dari kecil lagi kita sudah disuruh. Umur 7 tahun dan 10 tahun jadi sukut-sukut menurut hadis Nabi s.a.w., bukan 30 atau 40 tahun.

Mudahan-mudahan dengan mematuhi perintah Allah yang paling asasi ini, hidup kita diberkati, di dunia dan lebih-lebih lagi di akhirat.

Pemuda Iban memeluk Islam

BANDAR SERI BEGAWAN.— Seorang pemuda Iban, Umpang anak Antau, 28 tahun baru-baru ini telah memeluk agama Islam di satu majlis yang berlangsung di Jabatan Hal Ehwal Agama di sini. Beliau kini dikenali sebagai Awang Mohamed D. Lyalios bin Abdullah.

Pemuda tersebut melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Y.D.M. Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Setia Awang Haji Ismail bin Mat Serudin, Pembantu Perkembangan Agama di jabatan tersebut.

PANDANGAN ISLAM TERHADAP SUKAN

Bingkisan minggu ini

pergerakan.

Kita perlu juga mengetahui bahawa orang-orang yang cergas dan kuat itu adalah dipandang tinggi dan mulia di sisi Allah s.w.t. menepati dengan sabda Baginda Rasulullah s.a.w. yang maksudnya:

"Orang-orang Mukmin (beriman) yang kuat cergas itu lebih baik dari orang Mukmin yang lemah."

Menurut pandangan Islam, sukan dapat dibahagikan kepada dua bahagian.

Pertama: Sukan berupa gerakbadan untuk tujuan kesihatan.

Kedua: Sukan untuk tujuan mempertahankan diri di samping ianya bertujuan untuk kesihatan.

Dengan bersukan adalah diharapkan akan menjadikan diri kita sihat, cergas serta kuat dan terelak daripada penyakit, lemah-lemah badan, darah tinggi yang berpunca dari lebihnya lemak dalam badan serta kurangnya

Dalam suatu hadis yang lain Baginda Rasulullah s.a.w. bersabda: "Mengajar, menulis, berenang dan memanah adalah merupakan hak anak yang mesti ditunaikan oleh bapa."

Sabdanya lagi: "Sebaik-baik permainan yang diredai oleh Allah ialah menunggang kuda dan melontar."

Dengan keterangan-keterangan di atas nyatalah betapa kelirunya orang-orang yang menyangka, baik dari kalangan Islam mahupun bukan Islam bahawa agama Islam itu merupakan agama ibadah semata-mata yang mengeneipkan soal-soal yang berkaitan dengan kesihatan dan soal-soal yang lainnya.

jelas lagi sembahyang, selain daripada bertujuan mengabdikan diri kepada Allah, maka ianya juga merupakan senaman, buktinya dalam perbuatan ketika kita berdiri tegak mengangkat kedua tangan ketika bertakbiratul ihram, membongkokkan badan ketika rukuk, iktidal, sujud, duduk antara dua sujud, duduk kerana membaca tahiyat, menoleh ke kiri dan ke kanan pada penghabisan sembahyang. Keseluruhan apa yang disebutkan tadi adalah merupakan pergerakan sendi-sendi anggota badan dan yang terdapat unsur-unsur kesukanan yang sangat penting dilakukan untuk kesihatan dan kecergasan.

Begitu juga di dalam ibadah haji terdapat unsur-unsur kesukanan seperti mengerjakan tawaf, sa'ei, melontar jumrah dan lain-lain.

Dari apa yang dijelaskan, ternyata bahawa di dalam kita beribadah itu, kita juga bersukan kerana kebanyakan rukun sembahyang adalah berbentuk sukan, untuk lebih

dan masa saya telah...
...lari dengan...
...dan saya menang...
...sekaligus saya menang...
...dan kali ini...
...menang, lalu...
...berabda sekarang

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....

KURNIA BAKSIS KEPADA AHLI WARIS SI MATI (Siri ke-194)

BERKATA Al-Alamat Al-Imam Ibnu Hajar dalam At-Tuhfah Alal Minhaj yang mati dalam tahun 973 Hijrah: Dimulakan yakni wajib dimulakan dari harta pusaka si mati itu (yakni perkara-perkara yang akan datang sebutannya), dan erti pusaka itu ialah sesuatu yang ditinggalkan oleh si mati seperti suatu hak seperti pilihan jual beli, dan had (menuduh Zina), atau ikhtisas yakni harta seperti air perahan anggur yang sedang memabukkan, yang telah menjadi cuka lepas si mati itu mati, dan gantirugi yang telah diambil

daripada pembunuhnya, kerana gantirugi itu masuk dalam milik si mati, begitu juga apa yang telah masuk ke dalam lubang jerat, yang telah dipasang oleh si mati ketika ia masih hidup, menurut pendapat Al-Imam Az Zarkasyi, dan pada pendapatnya itu ada pandangan kita, kerana tangkapan jerat itu berpindah lepas mati si mati itu kepada waris-warisnya, maka tangkapan itu, sebetulnya, suatu tambahan di atas pusaka yang ada sedia ketika masa matinya, dan tangkapan itu menjadi milik waris-waris,

dikecualikan jikalau dijawab atau dikatakan bahawa sebab milik itu ialah si mati itu memasang jerat itu, bukan tangkapan itu milik simati, dan apabila bersandar milik itu kepada perbuatan si mati (memasang jerat) tangkapan itu jadilah ia pusaka si mati.

Begitu juga tersebut dalam An-Nihayah bagi Al-Imam Ar-Ramle yang mati pada tahun 1004 Hijrah dan dalam Has-yatul Jamal yang mati

tahun 1204 Hijrah.

PUSAKA

Berkata Al-Imam Ibnu Hajar dalam Syarhul Irsyad Fathul Jawab:

Pusaka itu ialah suatu yang ditinggalkan oleh seseorang (lepas matinya) sebagai harta seperti gantirugi baginya, dan hak yang bergantung dengannya seperti khair (pilihan), dan syufah dan lain dari keduanya, seperti Kawadun (Qisas) balas bunuh dan seperti air perahan anggur yang memabukkan, telah

menjadi cuka kemudian dari ia sudah mati, dan tangkapan yang masuk ke dalam lubang tali jeratnya telah dipasang oleh si mati semasa hidupnya.

Menurut Nas-nas Ulama yang tersebut di atas ini, maka kurnia baksis itu adalah ia pusaka, kerana si mati itu telah menyebabkan ada kurnia baksis itu kerana khidmatnya dengan Kerajaan menurut syarat-syarat yang telah ditentukan, samalah kur-

Majlis zikir memperingati 25 tahun M.O.A.S.


BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis zikir telah diadakan di Masjid Omar Ali Saifuddin di sini minggu lepas sempena memperingati 25 tahun pembukaan rasmi masjid tersebut.

Masjid Omar Ali Saifuddin adalah salah sebuah masjid yang terindah di rantau sebelah sini mula dibina pada 4 Februari 1954 atas titah perkenan D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin.

Pembinaan masjid tersebut berjalan selama kira-kira 4 tahun. Pembukaan rasminya telah disempurnakan sendiri oleh D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan Sir Muda Omar

Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin semasa Baginda menjadi Sultan Brunei ketika itu.

Majlis berzikir malam itu telah dihadiri oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama dan penduduk sekitarnya.



Masjid Omar Ali Saifuddin

Perjumpaan Pegawai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dalam usahanya ke arah mewujudkan sistem pentadbiran yang benar-benar efisien, jujur lagi amanah di kalangan pegawai-pegawainya, Jabatan Hal Ehwal Ugama sekali lagi telah mengadakan satu perjumpaan bertempat di Bilik Bacaan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada 25 September lepas. (gambar kiri.)

Acara bermula dengan ucapan alu-aluan oleh Pengetua jabatan tersebut Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain.

Sepanjang perjumpaan yang dihadiri oleh kira-kira 80 orang Pegawai-Pegawai Kanan jabatan itu telah diisi dengan dua buah ceramah penting iaitu mengenai dengan kehendak-kehendak General Order yang telah disampaikan oleh Awang Abas bin Haji Serudin.

PEMBETULAN

KETERANGAN gambar di muka 5 keluaran minggu lepas terdapat kesilapan, oleh itu hendaklah dibaca seperti berikut: "Gambar atas: Y.D.M. Pehin Udana Khatib Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, Pemangku Kadi Besar sedang menyampaikan hadiah kepada Awang Salleh bin Haji Md Yassin johan membaca sajak sempena sambutan Hari Raya Aidiladha anjuran Badan Kebajikan dan Sukan, Bahagian Penerangan, Jabatan Setiausaha Kerajaan pada 19 September lepas yang telah diadakan di Dewan Peringatan Churchill."



WANITA PERTAMA AHLI PAYUNG TERJUN AMDB

Dik: Mohaimin Mohammad

WANITA pertama ahli terjun Pasukan Askar Diraja Brunei, perawak Dayang Juliah bte Dayang ini telah berpuasa sebanyak 14 hari sebelum terjun pada jarak 4,000 kaki di udara. Kejayaan ini merupakan satu tahap penting dalam kerjayanya sebagai seorang anggota pasukan dan ini juga merupakan perintah kepada Pasukan Askar Wanita untuk bagi menceburi bidang yang baru dan memuncak.

Dayang Juliah mula tertarik untuk menceburi diri terjun payung terjun ketika ia pernah terbaca mengenai seorang wanita di negara jiran yang menceburi terjun tersebut dan telah membuat beberapa kali latihan dengan jayanya.

Dayang Juliah telah membuka hati untuk mencuba terjun payung terjun penuh azam dan dengan mana akhirnya ia berjaya mencapainya. Dayang dan galakan dari kawan-kawannya juga merupakan lagi semangat untuk mencuba sesuatu yang dianggap merdu dan lebih-lebih lagi bagi seorang wanita," kata Dyg. Dayang Juliah.

Dayang Juliah berasal dari Kg. Bukit Lintang.

Dayang Juliah yang ketiga dari enam orang adik-



"MELIPAT payung terjun mestilah hati-hati dan dengan penuh teliti jika tersalah lipat boleh mendatangkan bahaya kepada ahli payung terjun itu," kata Dyg. Juliah.

beradik, Dayang Juliah memberitahu, keluarganya tidak melarang ia berkecimpung di bidang tersebut malah kedua orang tuanya menggalakkan lagi untuk lebih bergiat asalkan sesuatu itu dibuat mengikut peraturan dan arahan yang telah ditentukan.

Persediaan-persediaan awal yang perlu dibuat sebelum melakukan penerjunan, semasa berada di pesawat helikopter pada jarak 3,000

kaki jurulatih akan memastikan tekanan angin dan menentukan kedudukan angin, keadaan cuaca, memastikan keadaan payung terjun dan payung terjun kecemasan dalam keadaan baik, mengulangkaji latihan-latihan yang perlu dibuat semasa melakukan penerjunan nanti dan memastikan kesemua alat-alat payung terjun dalam keadaan selamat.

"Sebaik-baik saja pesawat helikopter mencapai paras 8,000 kaki jurulatih akan memberi isyarat untuk keluar dan terjun. Sejurus selepas terjun seseorang ahli payung terjun hendaklah membuat 'delta position' secara condong dalam jangka 10 saat, selepas itu baharulah melakukan 'frog position' sehinggalah keadaan diri seseorang benar-benar stable hingga ke paras 4,000 kaki dan apabila sampai ke paras 3,000 kaki hendaklah mencabut handle untuk mengembangkan payung dan perlu juga dipastikan keadaan

payung tepat bergaut dalam keadaan baik dan tidak rosak dan jika sekiranya payung itu tidak terbuka digunakan payung terjun kecemasan yang dipasang di sebelah tangan kiri," jelas Dyg. Juliah.

Corak penerjunan yang sering dibuat oleh pasukan payung terjun di sini iaitu dengan membuka payung terjun sendiri pada jarak 3,000 kaki. Manakala jenis payung terjun yang digunakan PC berbentuk bulat berukuran 28 kaki. Sekiranya seorang ahli payung terjun ingin melakukan penerjunannya dia mestilah membelakangi angin.

Kali pertama membuat penerjunan, Dyg. Juliah merasa takut dan cemas. "Perasaan saya ketika itu Tuhan saja yang tahu, tetapi dengan adanya galakan dari para jurulatih dan rakan-rakan yang sama-sama melakukan penerjunan menimbulkan lagi semangat keberanian saya. Nyaorang

semasa berada seolah-olah terapung-apung di udara kecut rasanya perut."

Seperti ahli payung terjun yang lain, dia juga kadang-kadang tidak menepati sasaran ketika mendarat. Kali pertama dia melakukan pendaratan banyak masalah yang dihadapi terutama ketika melawan angin di mana kadang-kadang badannya terpusing ke kiri dan ke kanan. Dengan menggunakan payung terjun PC (bulat) selalunya pendaratan dilakukan secara jatuh bergolek. "Ini kadang-kadang menyebabkan badan terasa sakit dan kepala terasa pening jika mendarat bilamana keadaan badan tidak stable," ujar Dyg. Juliah.

Sebelum melakukan pendaratan pada jarak 200 kaki seseorang itu mestilah melawan angin bagi melambatkan penerjunan dengan itu akan dapat mendarat dengan selamatnya. Cara melihat tiupan angin ialah dengan

berpanduan cangkir angin yang di pasang di kawasan tempat mendarat. Semasa mendarat kedua belah kaki hendaklah dirapatkan supaya mendarat akan lebih stable dan selamat.

Dayang Juliah memasuki Pasukan Askar Wanita pada tahun 1982, pengambilan yang ketiga dan kini bertugas di bahagian masakan Bolkliah Kem. Beliau menyeru kepada kawan-kawannya dalam Pasukan Askar Wanita untuk mengikuti jejaknya di bidang terjun payung yang mana beliau berkeyakinan satu masa nanti kemungkinan akan diadakan satu pasukan payung terjun wanita di negara ini.

Dengan tampilnya seorang wanita dalam pasukan payung terjun, ini jelas menunjukkan kewibawaan kaum wanita negara ini yang ingin mencuba sesuatu bidang yang baru patutlah diberi perhatian dan menjadi kebanggaan rakyat dan penduduk di sini.



DENGAN penuh konsentrasi Dyg. Juliah seolah-olah bergayut pada payung terjun dengan membuat 'frog position' pada jarak 4,000 kaki, ketika menjalani latihan asas selama tiga minggu di Berakas Garison.



DYG. JULIAH (kiri sekali) dengan memakai uniform lengkap payung terjun bergambar bersama rakan-rakannya sebelum dia membuat penerjunan bagi kali yang ke-10.

DYG. JULIAH memberitahu alat payung terjun dengan dibantu jurulatih ketika menjalani latihan di dewan latihan.

BATALION KE-2 SAMBUT HARI DYTM KE-70 TA

Liputan: Muhaimin Hj. Mohammad Gambar-gambar: Ak. A. Pg. Y.



KEBAWAH D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.



KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia berbual sesuatu dengan Y.B. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Haji Mohamad, Timbalan Pemerintah AMDB dengan diperhatikan oleh Brig. Jeneral JPW Friedberger, Pemerintah AMDB.



PARA anggota tentera ini fmemperlihatkan kecekapan mereka dalam salah satu persembahan ketenteraan yang ditunjukkan.

keputeraan.

Di akhir majlis Duli Yang Teramat Mulia dihadihkan cenderamata kenang-kenangan sempena keberangkatan dan puja usia yang telah disampaikan oleh Pegawai Pemerintah Batalion Kedua.

TUTONG — Kebawah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien telah berkenan berangkat bercemar duli ke Tutong Kem, Batalion Kedua Askar Melayu Diraja Brunei sempena memperingati Hari Puja Usia yang ke-70 tahun pada hari Isnin 26 September, lepas.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dialu-alukan oleh Pemerintah Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei, Brigedier Jeneral JPW Friedberger dan Pegawai Pemerintah Batalion Kedua, YDM Pehin Datu Harimau Padang Dato Seri Laila Jasa Lt. Kol. Awang Haji Husin bin Ahmad.

Setelah itu Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh pemerintah perbarisan, Kpt. Jamil bin Pehin Dato Haji Mohammad untuk memeriksa perbarisan yang terdiri dari 50 orang perajurit dari bahagian 'F Kompeni' dengan diiringi oleh Pemerintah Pasukan A.M.D.B. dan Pegawai Pemerintah Batalion Kedua.

Seterusnya Duli Yang Teramat Mulia menyaksikan kegiatan-kegiatan tentera yang terdiri dari pasukan meriam katak dan juga menguji kecekapan dan kepantasan para perajurit dalam memakai uniform tentera, yang dipersembahkan oleh bahagian pentadbiran pasukan tersebut. Perbarisan diiringi oleh pasukan tambur dan serunai A.M.D.B.

Setelah sempurna isitadat perbarisan Duli Yang Teramat Mulia dijunjung ke Mess Pegawai Waren dan Sarjan bagi menyempurnakan majlis memotong kek hari

KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia yang ke-70 tahun.



LAGI salah satu persembahan ketenteraan Serunai dan Tambur Batalion Kedua.

1983.



KEBAWAHA Duli Yang Teramat Mulia mengaminkan doa kesyukuran lanjut usia Duli Yang Teramat Mulia.



KEBERANGKATAN Duli Yang Teramat Mulia ke perkhemahan itu dialu-alukan oleh pegawai-pegawai kanan AMDB dan gambar ini memperlihatkan Duli Yang Teramat Mulia diziarahi oleh salah seorang pegawai.



SEMPENA keberangkatan dan kesiadaan Duli Yang Teramat Mulia, penyerikan lagi sambutan hari jemerakamkan sebagai kenangan sebuah rekabentuk cenderamata yang berupa sebuah drum telah dis Teramat Mulia oleh Pegawai Pemerintah Batalion Kedua AMDB.

**HARI SELASA
11 OKTOBER**

menyambut hari jadi Duli Yang Teramat Mulia



MBUKAAN
-OURAN DAN MARI KITA
RDOA
SUNAN RANGANGAN
P KAP UDANG
CMAN
"E GARY COLEMAN SHOW
(imasi)
RITA AWAL
OKUMENTARI—BILL BURRUD
TEST "The Carnivorous"
g. 2
AN MAGHRIB
OKUMENTARI—sambungan

ERITA DALAM BAHASA
NGGERIS
THE FALL GUY:
"Mighty Myron"
AZAN ISYAK
THE FALL GUY—sambungan
WARTA BERITA
CERAMAH HIJRAH
ARENA SUKAN
DYNASTY
TAYANGAN GAMBAR:
"In Tandem" (Drama)
Usaha seorang peniaga kecil melawan
cabaran exploitasi pengusaha-pengusa-
ha besar. Pelakon-pelakon: Claude
Akins, Frank Converse, Richard Anga-
rola, Ann Coleman, dll.
SIARAN TAMAT.

GAMBAR ini menunjukkan anggota tentera dari Platoon Meriam Katak memperlihatkan prestasi

RTTB

Intisari minggu ini

Radio minggu ini:

KESAN BUNYI
UNTUK RADIO

KESAN bunyi (sound-effect), begitu penting untuk lakonan radio, seperti juga halnya dengan muzik selingan untuk jadi pemisah satu-satu babak. Muzik juga dapat mendekatkan dan memberi suasana/gambaran sesuatu tempat yang hendak ditimbulkan.

Tapi dengan muzik dan kesan-kesan bunyi yang dibubuh dengan banyak di sana sini dalam skrip lakonan bukan jadi ukuran kebagusan lakonan itu. Baik kami utarakan misal di sini; Sebuah skrip yang banyak dibubuh dengan kesan-kesan bunyi yang indah-indah bunyinya seperti ombak memecah pantai, tapak-tapak kaki orang berjalan, bunyi cengkerek, atau gerisik daun dan sebagainya. Bila skrip ini harus dipulangkan, datang tanda tanya yang heran di hati penulis; kenapa sampai dipulangkan juga skrip lakonan yang sudah penuh dengan kesan bunyi yang sudah sebagus dan sebanyak itu?

Pada pendapat kami, sebagus mana dan sebanyak manapun kesan-kesan bunyi dan bubuhan muzik-muzik selingan; kalau tanpa penyesuaian bubuh, TIDAK akan mendukung satu cerita yang baik selain dari kesumbangan ala Opera Tionghua yang harus banyak ditingkah dengan muzik-muzik dan kesan-kesan bunyi yang genting dan nyaring.

Kesan bunyi juga dibubuh di tempat yang sesuai dan harus sesuatu kesan bunyi yang betul-betul dapat diwujudkan di udara (radio).

Kadang-kadang ketidak masuk akal sering dijumpai oleh kami dalam skrip yang dihantar. Misalkan dalam skrip lakonan ada penulis memasukkan untuk dibubuh kesan bunyi; kesan tangan meluluskan, gum, dan banyak

lagi misalan lain. Permintaan ini sungguh luar biasa untuk dijadikan (dihidupkan) sebagai kesan bunyi menerusi udara. Misalan lanjut bubuhan kesan bunyi yang tidak sesuai ialah bunyi ketuk mesin taip, untuk jadi latar belakang perbualan di rumah dalam sebuah keluarga atau latar belakang 'kucing mengiau' cuma dalam perbualan antara sepasang teruna dara yang tidak mendukung apa-apa peranan. Bukan tidak boleh untuk diadakan begitu, sekadar kurang sesuai untuk memasukkan kesan bunyi mesin taip kalau BUKAN untuk menimbulkan suasana di pejabat atau di bilik firma.

Satu lagi yang patut diutarakan antara lakonan pentas dan radio di televisyen, sungguh mempunyai perbezaan. Lakonan pentas atau televisyen memusatkan perhatian pada seluruh gerak laku, mimik muka dan tekanan suara. Sementara lakonan radio cuma memusatkan perhatian sekitar curahan perasaan dan penekanan suara. Perasaan dan suara inilah saja jadi perantara para pendengar dan pelakon-pelakon untuk meresapkan isi dan jalan cerita yang hendak ditimbulkan. Bersabit dengan hal ini, untuk memasukkan dalam skrip lakonan radio arahan senyum madu atau senyum manis adalah mustahil. Tapi pernyataan kegembiraan untuk menggantikan perbuatan senyum manis atau senyum madu boleh digantikan (dimasukkan) dalam dialog itu sendiri. Dialog adalah satu-satu kekuatan untuk menghidupkan cerita lakonan apa pun; baik pentas mahupun untuk radio.

Hal yang bersangkutan harus mendapat perhatian yang wajar dari penulis-penulis tempatan dan peminat sandiwara radio.



KUMPULAN watak-watak rancangan ALICE — dari kiri, Vick Tayback, Philip McKeon, Linda Lavin dan Celia Watson. Rancangan ini boleh dengar Ahad, jam 6.25 petang.

Sandiwara minggu ini:

DARAH DAGING

OLEH MARIAT ABDULLAH

DARAH daging adalah merupakan sebuah Sandiwara manusia yang memaparkan unsur-unsur dakwah dan pengajaran tentang perlunya seseorang itu memiliki sifat pemaaf antara sesama manusia. Sandiwara kali ini adalah tulisan Mariat Abdullah, Brunel.

Watak Zaiton yang sebelum memeluk agama Islam dikenali sebagai Miri, terpaksa berpisah dengan orang tuanya bila ia berkeras untuk berkahwin dengan Latif dan menunaikan hasratnya untuk menjadi penganut agama Islam, yang mana telah lama dicita-citakannya.

Sejak itulah juga ia berkeras tidak mahu menjenguk keadaan kedua orang

tuanya di kampung. Tapi berkat tunjuk-ajar dari suaminya akhirnya Zaiton dapat dilembutkan, lebih lagi bila mendengar dari adiknya Usin yang ibunya sakit di kampung.

Satu daripada sebab ia mengalami penyakit tersebut ialah kerana merindukan Zaiton anak yang dikasihinya. Bila saja ia pulih semula, dia pun terus mengambil keputusan untuk bertukar angin tinggal bersama Zaiton, walaupun suaminya enggan pergi bersamanya.

Setelah mengecap kehidupan bersama Zaiton dan keluarganya, ibu Zaiton tiba-tiba terganggu perasaannya oleh mimpi yang dialaminya, satu mimpi yang berkesan dihatinya. Bila saja ia pulang menemui suaminya dan menceritakan tentang mimpinya itu, ia sangat terkejut bila mengetahui yang suaminya juga telah menerima mimpi yang sama.

Apakah mimpi yang mereka alami itu? Apa pula tafsirannya terhadap

kehidupan mereka? kinkah hati yang keras itu bertukar lembut dan terkejutnya pada 9 Okt. jam 10.30 pag.

Rancangan ini akan oleh Sami Rahman.

Dari Pendengar Untuk Pendengar

RANCANGAN ini dengar Usin bersama Zaiton dengan perantara sin bin Januari No. 140. Rancangan Kaya Besar ini akan ditayangkan pada hari Isnin 10 Okt. 1.30 petang.

Kepada anda menyertai hantaran ini awda kepada Rancangan Dari Pendengar Melayu, Rancangan Brunel atau hubungi Peminat an ini melalui 23111 sambungan 259, dan yang ditayangkan dalam siaran

Rancangan TVP Dari 10—15 Okt.

ISNIN — 10 OKTOBER

TANG

30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 973.

SELASA — 11 OKTOBER

GI

0 KAP KAP UDANG 974. Dalam rancangan ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti IKUT KETUA, PAK LONG, MINUM, SI MANIS, HALAMAN BELAJAR, BERCEKITA dan CERMIN SAKTI.

NG

SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 974.

RABU — 12 OKTOBER

KAP KAP UDANG 975.

Rancangan kali ini dimuati dengan

aktiviti-aktiviti seperti MAIN KERUSI, PAPAN HIKMAT, MINUM, BELON SI MANIS, KATA SI MANIS, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 975.

KHAMIS — 13 OKTOBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 976. Dalam rancangan ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti MAIN MUZIK, TUNJUK BENDA, MINUM, SI MANIS, MAIN BAKUL, BERCEKITA dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 976.

SABTU — 15 OKTOBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 977. Rancangan hari ini akan dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti MAIN KUDA, LIHAT DAN PERHATI, MINUM, BERSENAM, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 977.



UNTUK peminat-peminat rancangan DENVER SHOW ke udara tiap-tiap malam.

RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

HARI RABU 5 OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 4.30 GIGGLESNORT HOTEL
- 4.30 WOODY WOODPECKER
- 4.30 BERITA AWAL
- 4.30 MAMA MALONE
- 4.30 AZAN MAGHRIB
- 4.30 MAMA MALONE — sambungan
- 4.30 321 CONTACT

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
 - 7.15 HART TO HART : "Too Close to Hart"
 - 7.31 AZAN ISYAK
 - 7.36 HART TO HART — sambungan
 - 8.15 WARTA BERITA
 - 8.35 LIPUTAN NASIONAL
 - 9.05 THREE'S COMPANY
 - 9.35 MAGNUM : "Kitt's Don't Lie"
- Sekumpulan penyiasat private dari tanah besar Amerika terbang ke Hawaii untuk mengambil satu warisan pusaka penduduk tempatan yang sangat berharga. Untuk mencapai tujuan mereka kumpulan ini menghadapi kesukaran dari penyiasat Thomas Magnum, Higgins dan Catherine Hailey.
- 10.25 TAYANGAN GAMBAR : "American Guerilla In The Philippines"
 - 12.05 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 6 OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 KIMBA THE WHITE LION : "Go White Lion"
- 6.14 AZAN MAGHRIB
- 6.24 KIMBA THE WHITE LION — sambungan
- 6.35 SAFARI TO ADVENTURE : "Africa Eden"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
 - 7.15 VOYAGERS : "Sneak Attack"
- Arus peperangan Dunia Kedua telah menghadapi perubahan kerana penglibatan Bogg dan Jeffrey dalam menyelamatkan nyawa General McArthur ketika Pearl Harbour diserang.
- 7.30 AZAN ISYAK
 - 7.35 VOYAGERS — sambungan
 - 8.15 WARTA BERITA
 - 8.35 HIDAYAT
 - 9.05 DUNIA MINGGU INI
 - 9.35 REGGIE JACKSON WORLD OF SPORTS
 - 10.35 CHICO AND THE MAN
 - 11.05 THE DEVLIN CONNECTION : "Ring of Kings, Ring of Thieves"
- Misteri keseluruhan berkisar dengan sebutuk cincin tiruan yang berasal dari King Solomon. Dengan tidak disengaja cincin itu telah tersalah bungkus sebagai hadiah dari Brian untuk kawannya. Manakala orang yang benar-benar berhajat kepada cincin itu sangat serius untuk memperolehnya kembali.
- 11.50 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 7 OKTOBER

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.15 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN

PETANG

- 1.25 ABC WIDE WORLD OF SPORTS
- 2.15 BRET MAVERICK : "Faith, Hope and Clarity"
- Bhg. 1

- 3.00 MIGHTY MAN AND YUKK
 - 3.30 JOANIE LOVES CHACHI : "Beatlemania"
- Joanie percaya seorang pesakit yang dilihatnya di sebuah hospital ialah Paul McCartney. Dia dan Chachi cuba menjemput Paul ke kelab mereka.
- 3.32 AZAR ASAR
 - 3.35 JOANNIE LOVES CHACHI — sambungan
 - 4.00 THE PUPPY'S NEW ADVENTURE
 - 4.25 FILEM RENCANA TEMPATAN : "Panorama" Bhg. 3
 - 4.55 THE ELECTRIC COMPANY
 - 5.10 WORLD OF TOOLS
 - 5.35 RICKETY ROCKET
 - 6.05 YOU ASKED FOR IT
 - DOA AKHIR TAHUN
 - 6.14 AZAN MAGHRIB
 - DOA AWAL TAHUN
 - 6.25 YOU ASKED FOR IT — sambungan
 - 6.30 WIDEWORLD : "Digging On The Past"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
 - 7.15 THE YOUNG LAWYERS : "Edge of Night"
- Pembelaan ke atas Bill Wicks, seorang veteran peperangan Vietnam yang dituduh membunuh tuan rumahnya (landlord) mengaku kehilangan akal ketika melakukannya.
- 7.30 AZAN ISYAK
 - 7.35 THE YOUNG LAWYERS — sambungan
 - 8.15 WARTA BERITA
 - 8.35 PERUTUSAN HIJRAH
 - 8.45 LIPUTAN NASIONAL
 - 9.15 DRAMA : "Cuaca Semakin Cerah" Bhg. 4
 - 9.45 KNOTS LANDING : "New Beginning"
- Di Southfork Ranch, Dallas, Gary memberitahu Bobby bahawa dia hendak pergi ke California. Bobby hairan Gary pergi tanpa memberitahu ibu mereka.
- 10.35 BENSON
 - 11.15 SUGAR RAY LEONARD'S GOLDEN GLOVES.
 - 12.10 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 8 OKTOBER

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 2.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 2.15 TAYANGAN GAMBAR : "The Clown And The Kids"
- 3.32 AZAN ASAR
- 3.35 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
- 3.45 IRAMA DAKWAH
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 TALES OF MAGIC (Kartun)
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 THUNDARR THE BARBARIANS : "Mindok the Mind Menace"
- 6.14 AZAN MAGHRIB
- 6.24 THUNDARR THE BARBARIANS — sambungan
- 6.30 JUST KIDDING

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
 - 7.15 JOHN DENVER SHOW
 - 7.30 AZAN ISYAK
 - 7.35 JOHN DENVER SHOW — sambungan
 - 8.15 WARTA BERITA
 - 8.35 CERAMAH HIJRAH
 - 8.45 FORAM HIJRAH
 - 9.30 LIPUTAN NASIONAL
 - 10.00 MARI MEMASAK : "Kuih Apam Cantik Manis"
- Resipinya ada disiarkan di muka lain akhbar ini.
- 10.30 EL SURAYA
 - 11.20 TAYANGAN GAMBAR MELAYU : "Mama Oh Mama"
 - 12.50 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 9 OKTOBER

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 2.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 2.15 FANGFACE : "The Shocking Creature Feature"
- 2.45 ARCHIE BUNKER'S PLACE



BAGI maklumat peminat hiburan sekalian rancangan Dari Dewan Raya yang telah dirakam pada 18 September 1983 yang lalu, akan disiarkan pada 9 Oktober 1983 jam 8.45 malam.

Artis-artis terdiri dari Salmaya

Hj. Hussin, Metusin Hj. Laki, Koh Sisters, Jaini Taib (Juara Mutika 77 dan Juara Aslirama 82), Lim Kah Seng, Hamidon Hj. Metussin dan penyanyi undangan Stella Ansibin dari Sabah serta tarian-tarian oleh penari-penari RTB pimpinan M.R. Said.

- 3.15 BIG LEAGUE SOCCER
 - 3.32 AZAR ASAR
 - 3.35 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan
 - 4.00 SMURF
 - 4.30 COMPUTER PROGRAMME
 - 5.00 "Just One Thing After Another"
 - SEVEN BRIDES FOR SEVEN
 - BROTHERS : "Rodeo"
 - 5.45 SPIDERMAN
 - 6.00 BERITA AWAL
 - 6.05 SPIDERMAN — sambungan
 - 6.14 AZAN MAGHRIB
 - 6.24 ALICE : "Pay the Fifty Dollars"
- Alice terlibat dalam satu serbuan polis. Dia tidak mahu membayar dendanya kerana pendapatnya dia tidak bersalah.

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SIMON AND SIMON : "Sometimes Dreams Come True"
- 7.30 AZAN ISYAK
- 7.35 SIMON AND SIMON — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 DARI DEWAN RAYA
- 9.45 FORAM
- 10.45 MIND YOUR LANGUAGE
- 11.15 SMILEY'S PEOPLE
- 12.15 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 10 OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 PIGEON STREET : "The Flood"
- 5.15 SCOOPY AND SCRAPPY DOO
- 5.40 SHIRT TALES
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 SHIRT TALES — sambungan
- 6.14 AZAN MAGHRIB
- 6.24 BLAKE'S SEVEN

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
 - 7.15 TALES OF THE GOLD MONKEY : "A Distant Shout of Thunder"
- (Episod terakhir)
- Sedang Jake sibuk mengendalikan ker-

ja pemindahan di Boragora. Sarah menjadi sasaran untuk dijadikan korban oleh penganas setelah seluruh kepulauan dilanda oleh api, katak, darah dan gempa bumi.

- 7.30 AZAN ISYAK
- 7.35 TALES OF THE GOLD MONKEY — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 LIPUTAN NASIONAL
- 9.15 THE MAKING OF MANKIND : "Survival of the Species"
- 9.45 CAPTAIN AMERICA
- 10.45 ALL STAR WRESTLING
- 11.45 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 11 OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 PACMAN
- 5.30 THE GARY COLEMAN SHOW (Animasi)
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 DOKUMENTARI—BILL BURRUD GUEST "The Carnivorous"
- Bhg. 2
- 6.12 AZAN MAGHRIB
- 6.22 DOKUMENTARI — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
 - 7.15 THE FALL GUY : "Mighty Myron"
 - 7.28 AZAN ISYAK
 - 7.33 THE FALL GUY — sambungan
 - 8.15 WARTA BERITA
 - 8.35 CERAMAH HIJRAH
 - 8.45 ARENA SUKAN
 - 9.45 DYNASTY
 - 10.35 TAYANGAN GAMBAR : "In Tandem" (Drama)
- Usaha seorang peniaga kecil melawan cabaran eksploitasi pengusaha-pengusaha besar. Pelakon-pelakon: Claude Akins, Frank Converse, Richard Angarola, Ann Coleman, dll.
- 12.00 SIARAN TAMAT.

Rancangan Rancangan RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

- 92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
- 93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

- 675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
- 594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

- 6.00-6.02 Allah Peliharakan Sultan
- 6.05 Sinaran Wahyu
- 6.15 Dendang Suria
- 6.45 Berita
- 6.50 Dendang Suria
- 7.05 Panduan Sukan
- 8.15 Intisari Rancangan

TENGAH HARI

- 12.00-12.45 Sajjian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu-lagu stereo)
- 12.15 Mutiara Titah
- 1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Khamis)

PETANG

- 5.45 Brunei Dalam Sejarah
- 6.00 Siri Mukaddam
- Bingkisan Hari Ini
- Siaran langsung menuaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin.

MALAM

- 10.15 Bacaan Al-Quran
- 10.24 Doa Restu
- 10.29 Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA

- 6.45 pagi
- 8.00 pagi
- 10.00 pagi
- 12.45 tengah hari
- 1.30 tengah hari
- 3.00 petang
- 5.30 petang
- 8.00 malam

MENYIARKAN AZAN:

Zuhur, Asar, Magrib dan Isyak.

HARI RABU 5 OKTOBER

PAGI: 8.30 — Taman Mekar (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.00 — Lambaran Dari Awda, 11.30 — Dendang Norsiah A. Hamid.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Bahas Sekolah-sekolah (SU), 3.15 — Hiburan Petang, 4.00 — Serbanika Hiburan (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Taman Bulqis Siri ketiga), 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Belia Mewakili Zamannya, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 8.45 — Titian Budaya (SU), 9.00 — Menyusur Pendalaman, 9.30 — Purbawara/Citrawara.

HARI KHAMIS 6 OKTOBER

PAGI: 8.30 — Pertanian (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Hiburan Untuk Adik-adik (SU), 11.00 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan.

PETANG: 2.00 — Purbawara/Citrawara (SU), 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Irama Gambus, 4.15 — Sandiwara Radio (SU), 4.45 — Untuk Awda, 5.45 — Lagu-lagu Nasihat.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Tafsir Al-Quran, 9.30 — Lagu-lagu Asli.

HARI JUMAAT 7 OKTOBER

PAGI: 9.00 — Irama Dakwah, 9.30 — Dunia Wanita, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran, 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.00 — Lagu-lagu Dakwah, 12.15 — Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menuaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Lagu-lagu Nasyid, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Gema Keroncong, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Hiburan Petang, 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Hiburan, 4.15 — Dialog Semasa, 4.30 — Permintaan Jiran Tetangga, 5.00 — Suntingan Khutbah Jumaat, 5.15 — Senandung Lagu-lagu Lama, 5.45 — Sayu dan Merdu.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.25 — Hiburan Malam, 8.30 — Pilihan Pendengar, 9.00 — Majalah Ugama (SU), 9.30 — Mari Berpantun (SU).

HARI SABTU 8 OKTOBER

PAGI: 8.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Untuk Adik-adik, 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari, 11.30 — Pilihan Pendengar.

TENGAH HARI: 1.30 — Lagu-lagu Dari Filem, 1.45 — Dialog Semasa.

PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mingguan Pelajar (SU), 4.30 — Mutiara Asli (SU), 5.00 — Intisari Mingguan, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00 — Surat Dari London, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Malam Minggu, 9.00 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.30 — Usaha Jaya, 9.45 — Senandung Malam.

HARI AHAD 9 OKTOBER

PAGI: 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Hiburan, 10.30 —

Sandiwara Radio, 11.00 — Kugiran Tanah-air, 11.30 — Berbalas Pantun.

TENGAH HARI: 12.00 — Tahniah dan ucap Selamat, 1.00 — Permintaan Hari Minggu.

PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Pesta Pop Minggu Ini, 3.15 — Panduan Sukan, 3.30 — Titian Budaya, 3.45 — Majalah Sukan, 4.15 — Hiburan Petang Minggu, 4.30 — Bujang Si Gandam, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Seni Dan Sastera, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Hiburan (SU), 9.30 — Di Buang Sayang.

HARI ISNIN 10 OKTOBER

PAGI: 8.30 — Menyusur Pendalaman, 9.00 — Wanita dan Lagu, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Pertanian.

TENGAH HARI: 1.30 — Dari Pendengar Untuk Pendengar.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat (SU), 2.30 — Mari Berpantun, 3.15 — Pilihan Juruhebah, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Dendang Remaja, 4.30 — Ruangan Kitani,

4.45 — Rampaian Joget, 5.00 — wakil Zamannya, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Kuliah Ugama (SU).
MALAM: 7.00 — Majalah Sukan, 8.30 — Selingan Irama, 9.00 — Lagu-lagu Lama, 9.30 — Kutujukan Lagu.

HARI SELASA 11 OKTOBER

PAGI: 8.30 — Suara Perajurit (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Lama, 10.30 — Rampaian Lagu-lagu Permintaan Keroncong, 11.15 — Dari Lambaran Awda, 11.30 — Senandung Seloka.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Ria.

PETANG: 2.00 — Kusampaikan Salam, 2.30 — Usaha Jaya, 3.30 — Gema Keroncong/Pasaran, 4.00 — Gema Keroncong/Pasaran, 4.30 — Seni Dan Sastera, 5.00 — Untuk Awda, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Ruangan Keroncong, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Kugiran Tanah-air, 9.30 — Bahas Sekolah-Sekolah.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

P.M.

- 8.00 An Evening with Roman Rudnytsky: Music to be played includes Beethoven, Robert Rollin, Louise Talma, Mozart and Chopin.

Thursday

P.M.

- 8.00 International Money Programme.
- 8.15 Sixty-Minute Theatre: "Tell It The Way It Is" by Ronald Summerfield.
- 9.30 Country Club — 61.

Fridays/Holidays

A.M.

- 11.00 A Talk: The First of Hijrah by Tuan Haji Mohd Siraj.
- 11.15 Light Music From The Netherlands — 668.
- 11.30 Children's half hour

NOON

- 12.00 The New Swingle Singers — 2/4.
- 12.45 My Music — 269/436.

P.M.

- 1.15 Book Club: "Cry the Beloved Country" by Alan Paton — 7/10.
- 8.00 The World of Books.

- 8.30 Up The Belait River Without A Paddle

- 9.00 Perspective

- 9.30 A Date with . . . (repeat)

Saturday

P.M.

- 8.00 Hits In Germany.
- 8.30 Strictly Instrumental
- 8.45 Just A Minute — 276/287.
- 9.30 Top of The Pops — 983.

Sunday

A.M.

- 11.00 Our Views: A discussion programme with chairlady Hayati Pehin Salleh — prog. 20.
- 11.30 Practical World
- 11.45 London This Week.
- 12.00 A Date with . . .

P.M.

- 12.45 Review of the Week
- 1.00 Top of The Pops — 983 (repeat)
- 1.30 Close Down.

STUDENT NIGHT

P.M.

- 8.00 Feature: Human Potential — a sports-science feature on the limits of Physical prowess
- 8.30 Beautiful Music — 41/48.
- 8.45 BBC Science Magazine.
- 9.30 Drama: "Patterson" — by Malcolm Bradbury and Christopher Bigsby — a comedy serial set in an English provincial university 6/8.

Monday

P.M.

- 8.00 Theatre Forty-Five: "Sacking" by Ian Watt.
- 8.45 The Moody Blues Story Part 2: Night In White (side 1 of 2)
- 9.30 A Play On Words — 15.

Tuesday

POP MUSIC NIGHT

P.M.

- 8.00 Just For You
- 9.00 In Sentimental Mood
- 9.30 Stereophonic Special: "Nick Lowe and His Sticks" (1 of 2)

Daily

A.M.

- 6.30 Allah Peliharakan Sultan
- 6.32 Quran and its translation
- 6.40 Brunei's AM.
- 7.00 Local News, weather forecast, tide times and Brunei In History.
- 7.05 Brunei's AM (continued)
- 11.00 Ladies At Eleven — except Friday and Sunday.
- 12.00 Lunch Break — except Friday and Sunday.
- 12.30 News, followed by Weather Forecast, Sidelines and Brunei In History.
- P.M.
- 9.15 News.

Penyelenggara Stor Tingkat III

JABATN PERTANIAN
PEMBERITAHUAN TAWARAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN PASUKAN BOMBA
PEMBERITAHUAN TAWARAN 14/1983

JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — PEMBERITAHUAN TAWARAN

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan) kecuali hari kelepasan awam.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surai yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Keabawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL. 360 TAHUN 1983

BIL. 361 TAHUN 1983

BIL. 362 TAHUN 1983

BIL. 363 TAHUN 1983

am 4.00 petang hari Khamis
un : 17 Oktober 1983

BIL. 365 TAHUN 1983

BIL. 366 TAHUN 1983

BIL. 367 TAHUN 1983

Cagaran tawaran : \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan)

**TAWARAN JABATAN STOR-STOR DAN
PERBEKALAN-PERBEKALAN NEGARA**

No. 70/1983

Negara Brunei :—

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 24 Oktober, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei : —

SUPPLY OF BAR STAINLESS STEEL VARIOUS SIZES

**SUPPLY OF POWDER
SCOURING SPRINKLE
CONTAINERS OF 450
GR EACH, 24 CONTAIN-
ERS PER BOX (VIM,
MOVIE ETC).**

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehhi dari Pejabat Stor.Stor dan Perbekalan Negara, Batu 34, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

No. 73/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 24 Oktober, 1983 bagi membekalkan barangan-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan

No. 71/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar

Negara Brunei :—
SUPPLY OF MOP
COTTON.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gading, Brunei semasa waktu-waktu bekerja.

Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 24 Oktober, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara. Brunei: —

SUPPLY OF DISINFECTANT FLUID WHITE 1 GALLON TIN OR YOUNG'S LYSOL BP 4 X 5 LITRES TIN.

No. 74/1983

TAWARAN-tawaran akan di terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 2 Oktober, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara Brunei: —

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

No. 72/1983

TAWARAN-Tawaran akan di terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 24 Oktober, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tercantum di bawah untuk labatan

**SUPPLY OF BRUSH
PAINT VARIOUS
SIZES.**

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh lah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 31, Jalan Gaden

Import ayam batal

JABATAN Pertanian, Brunei telah membatalkan kemasukan ayam-ayam dan burung-burung dari Sabah, Malaysia sejak 13 September 1983 sebagai langkah untuk menghindari penyakit ayam yang berjangkit di negeri tersebut ketika ini dari menjejaskan perikanan ternakan ayam di negara ini. Pembatalan ini akan ditarik balik sebaik sahaja keadaan di negeri Sabah mengizinkan.

Para belia digesa teliti : SETAKAT MANA PENGLIBATAN

KUALA BELAIT. — Golongan belia digesa meneliti kembali setakat mana penglibatan mereka dalam sama-sama mengisi kemerdekaan negara, sejauh mana tanggungjawab penuh mereka dalam mempertahankan maruah bangsa, dan sehingga mana kesedaran mereka menerima amanah sebagai bakal pemimpin negara dan bangsa.

Dalam mendapatkan sesuatu perkara, para belia tidak sepatutnya menjadi pressure group dalam melakukan tindakan perjuangan mereka, dan tidak semestinya menyingkirkan diri dari setiap perkembangan dan kemajuan negara yang meminta jasa bakti mereka.

Berucap merasmikan Pesta Ria Pantai di Pantai Lumut di sini, Khamis, 29 September lalu, Pemangku Pengarah Radio Televisyen, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani berkata, golongan belia di negara ini terutama di Daerah Belait yang bertaraf kosmopolitan adalah dipercayai telah dan selamanya bersedia memikul setiap tugas dan tanggungjawab dengan penuh sedar dan berkeyakinan, berpegang teguh kepada kepercayaan agama, taat kepada raja, menjunjung tinggi kedaulatan bahasa dan budaya negara yang menyatu-padukan mereka.

Pengiran Badaruddin terdahulu dari itu menjelaskan, di bawah keadilan dan kepimpinan yang amat bijaksana Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Baginda, rakyat dan penduduk negara telah dapat menikmati segala kemudahan dan kemewahan hidup yang mungkin tidak dapat dinikmati oleh bangsa lain di rantau ini.

Katanya, kemantapan ekonomi, pendidikan percuma dari peringkat rendah hingga ke puncak universiti, pegawai-pegawai tempatan yang cekap, perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang menyeluruh, kelengkapan persenjataan moden dan sofistikated telah mewujudkan kedudukan ekonomi negara yang stabil dan sosiopolitik yang mempunyai harapan cerah.

Pesta Ria Pantai yang berlangsung hari itu dianjurkan oleh Majlis Belia-Belia Daerah Belait sempena Puja Usia ke-37 Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bagi daerah itu.

Mengenai pesta berkenaan, Pengiran Badaruddin mensifatkannya sebagai sebahagian dari strategi jangka panjang dalam membentuk golongan belia yang sedar akan tanggungjawab dan tugas kepada bangsa dan negara.

Pengiran Badaruddin juga berharap supaya golongan tua di Daerah Belait dapat membimbing golongan belia yang akan mewarisi kepimpinan mereka dan mewujudkan persefahaman di antaranya, bagi membentuk sebuah negara Brunei Darussalam yang lebih baik bagi anak cucu yang terencana.

Antara acara yang dimuatkan dalam pesta tersebut termasuklah persembahan silat dan kuntau,

Oleh :
Aisah Piee

persembahan kebudayaan nyanyian dan tradisional serta beberapa pertandingan yang disertai oleh belia dan ibu bapa.



Juara Bintang Aslirama 83

MOHD Ali Nordin atau lebih dikenali lagi sebagai M. Nordin merupakan salah seorang penyanyi veteran di negara kita, tahun ini memperolehi tuahnya yang amat gemilang apabila berjaya menyangkang juara dalam Bintang Aslirama 83 yang dianjurkan oleh RTB. Pernah menyangkang juara dalam pertandingan Bintang Radio, tempatan ketiga di beberapa pertandingan Mutika dan naib johan Bintang Aslirama 1982. Dengan persembahan lagu aslinya 'Muslimah Manis dan Kuda Hitam' irama keroncong, Mohd. Ali Nordin berjaya menyangkang juara itu setelah mengalahkan tujuh orang peserta yang lain dalam pertandingan yang disiarkan secara langsung oleh RTB dari Dewan Raya pada malam Ahad, 2 Oktober lepas. Gambar atas juara Bintang Aslirama itu menerima hadiah kemenangan dari Y.A.M. Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd Yusof.

Kenaikan dan perubahan pangkat

kepada pangkat Kapten.

Beliau ialah Leftenan Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar dari Unit Angkatan Laut menerima kenaikan itu bermula pada 29 September 1983 lepas.

Sementara itu Kebawah Duli yang Maha Mulia juga telah berkenan menukar pangkat 'Brigadier' kepada gelaran baru sebagai 'Brigadier General' dalam Pasukan AMDB bermula pada 31 Mei, 1983.

Jemaah2 haji selamat pulang

BERAKAS. — Seramai 1918 orang jemaah haji telah selamat pulang ke tanah-air dalam empat penerbangan sewa khas Boeing 747 kepunyaan Sistem Penerbangan Malaysia.

Rombongan pertama seramai 473 orang telah tiba di negeri ini pada 26 September lepas jam 8.50 malam. Diikuti oleh rombongan kedua pada hari berikutnya seramai 493 orang. Rombongan ketiga tiba pada 29 September

mengandungi jemaah 479 orang dan rombongan terakhir tiba pada 29 September dengan 473 jemaah.

Jemaah-jemaah bertolak ke Jeddah dalam empat penerbangan berturut-turut mulai 26 Ogos. Seramai 1936 orang Islam di negara ini telah menunaikan fardhu tahun ini. 18 orang di jumlah tersebut telah meninggal dunia semasa berada di tanah suci.

Tanggapan tanpa pimpinan

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman berkata, adalah tidak tepat dan tidak bersesuaian dengan rentak dan suasana negara kita yang akan merdeka, jika orang ramai terutama rakyat dibiarkan mempunyai tanggapan-tanggapan bersendirian tanpa mendapat pimpinan yang membolehkan mereka menampak dan melihat sesuatu isu dalam hal-hwal negara dan Kerajaan dari sudut dan pertimbangan yang betul.

Letrik johan

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Perlawanan Akhir Sepaktakraw kali ke-2 telah berlangsung di Pusat Belia malam Ahad lepas. Ianya dianjurkan oleh Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei bersempena Hari Puja Usia ke-37 Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam perlawanan tersebut, Badan Kebajikan dan Sukan Jabatan Letrik I dan II telah muncul sebagai johan dan naib johan, tempat ketiga jatuh kepada Persatuan Perkasa dan tempat keempat ialah Pasukan PAPP.

Sementara itu dalam Bahagian Daerah dibahagikan kepada dua kumpulan. Johan Daerah Kumpulan I telah dimenangi oleh Persatuan Perkasa, dan naib johan ialah Badan Kebajikan dan Sukan Jabatan Letrik. Johan Daerah Kumpulan II juga dimenangi oleh Persatuan Perkasa dan naib johannya pula ialah Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei.

Bahagian Sepakraga bulatan dimenangi oleh Badan Kebajikan dan Sukan Jabatan Letrik dengan memperolehi mata sebanyak 539, kedua Persatuan Perkasa memperolehi mata sebanyak 314 dan tempat ketiga Pasukan PAPP dengan mata sebanyak 165.

Lebih-lebih lagi, katanya, jika orang ramai itu sendiri bersikap tidak mengambil tahu atau tidak mengambil kira perkembangan yang sedang dan akan ditempuh oleh negara.

"Padahal semangat yang wujud dalam Kerajaan pada masa ini adalah sangat jelas memberi perhatian kepada kepentingan-kepentingan negara dengan terus-menerus menimbulkan suasana bersefahaman dan berkerjasama di antara rakyat dan Kerajaan," jelas Pengarah Penerangan.

Awang Haji Badaruddin berkata demikian dalam kenyataannya kepada sekumpulan 40 orang peserta taklimat Mukim Keriam yang berlangsung di Bilik Taklimat Bahagian Penerangan di sini pada Rabu lalu.

Mengenai berbagai-bagai jangkaan dan pengharapan orang ramai menjelang kemerdekaan itu, Awang Haji Badaruddin menegaskan, perkara sedemikian adalah tidak menghairankan di mana sikap itu sememangnya dalam rangka atau hubungan usaha meningkatkan lagi kemajuan

"Saya berpendapat jangkaan dan pengharapan berikutnya pencapaian kemerdekaan seharusnya dipergunakan dengan sebaik-baiknya bagi mengeratkan rakyat supaya berkesedaran dan bersemangat secara yang berpatutan," ujarnya lagi.

Untuk tujuan itu juga, jelas Awang Haji Badaruddin, Bahagian Penerangan Jabatan Setiausaha Kerajaan kini semakin memberi perhatian kepada usaha yang diharapkan dapat meningkatkan kesedaran dan semangat yang berpatutan di kalangan rakyat pada fahaman mengenai hal-hwal negara dan Kerajaan.

Kesedaran dan semangat yang berpatutan, tambahnya, akan membolehkan pergerakan rakyat dan penduduk dan akan berkelayakan menyertai dan melibatkan diri secara yang lebih berkesan dalam mendukung dasar dan mencapai matlamat serta hasrat negara.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menaikkan pangkat bagi seorang Pegawai AMDB

Wakil
ke Thailand
dilantik

KEBAWAH Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan melantik Yang Mulia Dato' Serbini bin Haji Ali, Pegawai Pentadbir, menjadi wakil (representative) pertama untuk menubuhkan Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam di Bangkok, Thailand, pada 1 Oktober.

Sebelum itu, beliau memegang jawatan sebagai Setiausaha Kedua di Singapura selama lebih kurang setahun. Awang Serbini bertolak ke Bangkok untuk berunding dengan Singapura pada hari Rabu, 29 September 1983.